

06/12/1999

Bukti rakyat mahu pembangunan

TAMPIN, Ahad - Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Abu Mansor, menganggap kemenangannya dalam pilihan raya umum minggu lalu membuktikan rakyat mahu Barisan Nasional (BN) meneruskan agenda pembangunan di daerah itu. Kemenangan itu bukan milik peribadinya, tetapi kejayaan rakyat dan BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

"Kemenangan BN dengan majoriti dua pertiga membuktikan rakyat mahu Perdana Menteri meneruskan wawasan untuk menjadikan negara ini maju pada tahun 2020," katanya. BN negeri juga mencatat kejayaan gemilang apabila mendapat kemenangan 100 peratus di semua 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tujuh kawasan Parlimen di Negeri Sembilan. Mengulas kejayaan mengalahkan calon Pas, Hamdan Hashim, dengan majoriti 9,949 undi, katanya kemenangan itu adalah hasil kerjasama veteran Umno yang memberikan kepercayaan kepada calon pergerakan pemuda.

Sehubungan itu, beliau berjanji akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat supaya Umno dan BN terus kukuh di negeri itu.

"Saya akan berusaha membawa projek pembangunan ke Parlimen Tampin untuk faedah rakyat setelah berunding dengan pucuk pimpinan," katanya.

Shaziman juga mengucapkan terima kasih kepada semua pengundi dan pekerja BN yang memberikan kemenangan bukan saja kepadanya, tetapi semua calon BN di DUN Repah, Gemenchih, Gemas dan Kota.

(END)